



JURNAL  
*AKADEMIK*  
UiTM Cawangan JOHOR

JLD 4 / JAN-JUN 2004

*Kata Pengantar  
Dari Meja Editor  
Kandungan*

1. INDIKASI DAN PEMBENTUKAN SKIL LITERASI TEKNOLOGI MAKLUMAT NOOR AZRIN BINTI ZAINUDDIN	1
2. PERPUSTAKAAN MAYA : PERUBAHAN SERTA CABARAN DALAM PENGURUSAN MAKLUMAT ABDUL RAZAK ABU DAN MAZNNAH A. HAMID	15
3. MELAYU DAN PERNIAGAAN : SUATU RINTISAN SEJARAH ROS HASRI AHMAD DAN SITI MASNAH SARINGAT	23
4. TEORI PEMILIHAN KERJAYA DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMILIHAN KERJAYA DR. AHMAD BIN CHE YAACOB DAN ABDUL HALIM BIN RAMLI	37
5. MENJANA MAHASISWA BERKARISMA CHE ZUINA BINTI ISMAIL	55
6. PENCIPTAAN ADAM A.S. MENERUSI PENDEKATAN WAHYU : SUATU BUKTI ILMIAH NOR AZIZAH BINTI H.J. BAHAROM	69
7. TEORI PERUBAHAN SIKAP KE ARAH MENJANA KECEMERLANGAN DALAM EPIPIMPINAN R. AHMAD ZAKI H.J. ABD. LATIFF	79
8. PERMOHONAN PENCERAIAN DENGAN KEBENARAN MAHKAMAH DAN ENGESAHAN CERAI DI LUAR MAHKAMAH SYARIAH : SUATU ANALISIS UHAMMAD NIZAM BIN AWANG @ ALI DAN NORAINI BINTI ISMAIL	87
9. EXAMINING THE ESSENTIAL ELEMENTS OF A SALE AND PURCHASE AGREEMENT OF LAND IN A SUBSALE TRANSACTION WHERE THE TITLE HAS BEEN ISSUED JOHN CHUAH	109
10. CRIMINAL RAPE : A VIEW ON MALAYSIA LAW AND COMMON LAW : NORAZLINA BINTI ABDUL AZIZ	123
11. CAUSALITY BETWEEN MONEY SUPPLY AND STOCK PRICES : A PRELIMINARY INVESTIGATION ON MALAYSIAN STOCK MARKET CHANDRAN V.G.R. DAN NORAZMAN SHAH ABD RAHMAN	137
12. THE SUPPLY CHAIN MANAGEMENT IN REVERSE LOGISTICS. A CASE OF PRODUCT RECOVERY MANAGEMENT VEERA PANDIYAN K.S. DAN CHANDRAN V.G.R.	145
13. CONTROVERSIAL ACCOUNTING PRACTICES RAZALI DAUD	163

PEM  
UNI  
2004

## **MELAYU DAN PERNIAGAAN : SUATU RINTISAN SEJARAH**

**ROS HASRI AHMAD**

*Fakulti Pengurusan Perniagaan*

*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor*

**SITI MASNAH SARINGAT**

### **ABSTRAK**

Secara umumnya penulisan ini dibuat untuk memberikan gambaran secara menyeluruh tentang sejarah penglibatan orang Melayu dalam bidang perniagaan. Ternyata suatu ketika dahulu orang-orang Melayu mempunyai catatan yang cemerlang dalam lipatan sejarah sebagai satu bangsa yang mampu berinteraksi secara global di mana pada ketika itu Kerajaan Melayu Melaka telah menjadi destinasi perhimpunan bagi para peniaga dan pedagang dari seluruh dunia. Kesan penjajahan dan dasar yang dilaksanakan oleh para penjajah akhirnya telah menguburkan semangat dan kemampuan luar biasa orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan. Bagaimanapun peristiwa berdarah 13hb Mei 1969 sebenarnya merupakan suatu rahmat bagi orang-orang Melayu kerana kejadian berkenaan telah menjadi titik tolak terhadap kesedaran di kalangan orang-orang Melayu tentang kepentingan untuk menguasai ekonomi melalui bidang perniagaan dan telah melahirkan ramai tokoh korporat dan ahli perniagaan Melayu yang berjaya di dalam dan di luar negara.

### **PENDAHULUAN**

Secara ringkasnya, individu yang melibatkan diri dalam kegiatan perniagaan, merupakan orang yang memulakan, memiliki dan mengurus perniagaannya sendiri, dan sanggup menanggung risiko perniagaan. Mereka inginkan kebebasan dalam membuat keputusan dan seterusnya mahukan kejayaan di atas usaha mereka sendiri (Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias, 1997). Bagi pendapat Khaairuddin Khalil (1996), individu yang menceburii bidang perniagaan bermakna mereka telah memilih bidang kerjaya yang mencabar di mana terdapat dua kemungkinan yang perlu mereka hadapi iaitu sama ada berjaya ataupun gagal di dalam bidang berkenaan. Kemampuan untuk terus kekal berada di dalam kerjaya ini pula terletak pada keazaman dan semangat yang kental. Di Malaysia, kajian dalam bidang perniagaan dan mereka yang

terlibat dalam bidang ini masih baru, ini jelas boleh dilihat melalui penulisan dan penerbitan secara ilmiah ataupun secara komersial dalam bidang ini amat sedikit. Menurut Adnan Alias (1992), pengajian dan kajian dalam bidang keusahawanan (pada kebiasaannya memberikan penumpuan kajian aktiviti perniagaan) telah dimulakan oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) di Institut Teknologi Mara (ITM) pada tahun 1975. Bagaimanapun pada ketika itu bidang ini belum mendapat perhatian daripada masyarakat umum khususnya orang-orang Melayu. Hanya pada pertengahan tahun 1980-an barulah timbul kesedaran mengenai kepentingan dan kelebihan yang ada dalam bidang ini.

## SEJARAH PENGLIBATAN ORANG MELAYU DALAM PERNIAGAAN

Sejarah perkembangan kegiatan perniagaan di Malaysia dapat dilihat dengan ketara sewaktu zaman Kesultanan Melayu Melaka pada awal abad ke-15. Pada ketika itu kawasan Asia Tenggara ini menjadi tumpuan laluan para pedagang dari sebelah barat dan timur. Kedudukan Melaka yang strategik dan terletak di laluan berkenaan menyebabkan ia menjadi pelabuhan utama dan tempat pertukaran hasil dagangan. Kepesatan kegiatan perniagaan yang berlaku pada masa itu sehingga Melaka telah digelar sebagai '*Emporium of The East*' oleh orang-orang Eropah (Abdullah Jusuh, 1990).

Kegiatan perdagangan yang dilakukan pada ketika ini sebenarnya telah mencapai tahap urusan perdagangan di peringkat antarabangsa tetapi ianya lebih berteraskan hasil bumi. Antara hasil dagangan yang diniagakan oleh pedagang-pedagang Cina pada masa itu melibatkan barang-barang seperti sutera, tembikar, kayu wangi, ubat-ubatan dan pelbagai barang lain (Braudel, 1982). Menurut Abdullah Jusuh (1990), rempah ratus pula telah dibawa ke Melaka oleh para pedagang dari gugusan Kepulauan Maluku, Sulawesi dan Sunda. Amarjit Kaur (1991) pula menambah, para pedagang daripada seluruh Asia telah datang ke pelabuhan Melaka untuk mendapatkan bijih timah.

Ini juga turut diakui oleh Duatre Barbossa pada tahun 1518, di mana laporan yang dimuatkannya dalam '*The Book of Duarte Barbossa*' menunjukkan kemewahan kehidupan pembesar-pembesar Melayu di Melaka pada ketika itu telah dilihat hidup dalam kemewahan di mana mereka memiliki pelbagai pejabat perdagangan dengan para pembantu yang ramai di kota manakala rumah-rumah kediaman yang besar telah dibina di luar kota, dilengkapi dengan taman, kolam air dan kebun buah-buahan (Syed Hussein al-Atas, 1991).

Manakala kegiatan rakyat biasa pada ketika itu telah digambarkan oleh Emanuel Godhino de Eredia pada tahun 1613 di dalam '*Description of Malacca and Meridional India and Cathay*' sebagai golongan yang menggunakan kemahiran pertukangan yang dimiliki untuk membuat rumah atau kemahiran seni ukiran untuk membuat barang-barang kegunaan seharian dari besi dan tembaga sebagai sumber pendapatan untuk menyara kehidupan (Syed Hussein al-Atas, 1991).

Nordin Selat (1978) telah meneliti keadaan ini dan menyimpulkan bahawa, pada zaman kesultanan Melayu Melaka jelas menunjukkan orang-orang Melayu merupakan satu bangsa yang mampu berdikari. Bagaimanapun segala kemewahan, kebolehan dan kemampuan orang-orang Melayu yang dimiliki sewaktu zaman kemegahan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka tidak dapat diteruskan ke hari ini apabila pihak Portugis berjaya menakluk negeri Melaka pada tahun 1511. Maka bermulalah zaman kemalapan orang Melayu, kemudiannya beralih di bawah jajahan Belanda pada tahun 1641 dan seterusnya dikuasai oleh British pada tahun 1824 sehingga pada 31 Ogos 1957.

Perkembangan penguasaan para penjajah asing ini menurut pendapat Syed Hussein al-Atas (1991) telah banyak mematikan kemampuan dan kebolehan orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan. Sewaktu pemerintahan Portugis dan Belanda, penindasan dan penyisihan golongan pedagang Melayu telah berlaku. Ketika kedatangan orang-orang Inggeris ke Tanah Melayu pada akhir abad ke-18, sudah tiada lagi golongan pedagang Melayu yang sebanding dengan pedagang-pedagang mereka.

## PENTADBIRAN INGGERIS

Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada tahun 1874 telah menandakan campur tangan British di negeri-negeri Melayu ke atas kedudukan dan kuasa raja-raja Melayu. Berdasarkan kepada perjanjian ini, kuasa raja-raja Melayu hanya terhad kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam, adat istiadat Melayu dan pemilikan tanah (Parkinson, 1960).

Menurut Tham Seong Chee (1977), selain daripada pengiktirafan perkara-perkara di atas tiada galakan secara rasmi atau tidak rasmi diberikan oleh pihak British kepada orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi khususnya yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan. Pada ketika pemerintahan British penguasaan kegiatan ekonomi di kalangan orang Melayu yang boleh dilihat secara ketara hanya dalam aktiviti pertanian.

Wan Abdul Kadir Wan Yusof (1989) menjelaskan lagi bahawa, orang Melayu sendiri tidak mengambil kesempatan untuk turut serta dalam perubahan ekonomi yang dibawa oleh pihak kolonial, malahan mereka juga ditinggalkan dan tidak berpeluang untuk menyertai pembangunan di bandar-bandar moden yang dibina oleh pihak kolonial.

Pengekalan corak kehidupan masyarakat Melayu dan proses pengasingan kaum imigran seperti Cina dan India ke negara ini atau lebih dikenali sebagai dasar '*pecah perintah*' menurut Mohamad Idris Saleh *et. al.* (1994), telah mengasingkan penduduk Tanah Melayu mengikut kegiatan ekonomi berdasarkan penguasaan utama oleh sesuatu kaum. Di bawah dasar ini, orang Melayu terus dikekalkan di kawasan luar bandar dan menjalankan kegiatan pertanian.

Dasar '*pecah dan perintah*' menurut Talib Samat (1992), sebenarnya telah memberikan kelebihan kepada kaum Cina, di mana mereka lebih terdorong untuk menyertai dan menguasai kegiatan ekonomi yang lebih menguntungkan khususnya dalam lapangan perniagaan dan perusahaan besar-besaran. Dalam pada itu, orang Melayu dibiarkan terus berada di sektor pertanian yang tidak mempunyai daya pengeluaran dan pulangan yang tinggi dan tidak stabil.

Menurut Mohamad Idris Saleh *et. al.* (1994), pihak Inggeris melihat kesanggupan kaum Cina dan India ini telah banyak membantu mereka dalam menggerakkan ekonomi Tanah Melayu, maka itu pelbagai kemudahan disediakan seperti hospital, bekalan air, elektrik, jalan raya, sekolah dan lain-lain di kawasan-kawasan bandar. Manakala orang-orang Melayu yang tidak berminat untuk turut serta dalam kegiatan ekonomi ini terus dibiarkan dengan kehidupan seharian mereka di luar bandar dan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya.

Andaya dan Andaya (1983) menjelaskan lagi hujah di atas, kesan daripada keengganan orang-orang Melayu untuk bekerja dalam sektor perladangan dan perlombongan yang diusahakan oleh Inggeris maka itu orang-orang Melayu telah dikaitkan dengan sifat-sifat malas dan kurang tekun berbanding dengan orang Cina.

Bagaimanapun hujah-hujah di atas telah disangkal oleh S. Husin Ali (1979) adalah tidak tepat untuk dikaitkan orang Melayu dengan sifat-sifat malas dan kurang tekun kerana orang Melayu mempunyai sejarah yang tersendiri dalam bidang perniagaan dari zaman Kerajaan Melayu Melaka sehingga kedatangan Inggeris orang Melayu telah terlibat dalam bidang perniagaan.

Swettenham (1874) melihat keengganan orang Melayu untuk bekerja dengan pihak kolonial telah mengaitkannya dengan sikap kebudayaan semula jadi, menurut pandangan Swettenham wujudnya keadaan ini adalah disebabkan oleh sikap orang Melayu sebagai pengikut agama Islam yang terlalu berserah kepada takdir dan nasib, mereka juga sangat mempercayai perkara tahuyl seperti mana yang telah dilaporkannya dalam buku '*British Malaya*' (Syed Hussein al-Atas, 1991).

Hilmy Bakar Almascaty (1994) pula telah menyimpulkan bahawa, punca kemunduran orang-orang Melayu di rantau ini sebenarnya adalah disebabkan oleh perlakuan tidak adil para penjajah seterusnya mereka mula mengalami proses kemunduran yang drastik, baik dari sudut tamadun, mental ataupun spiritual. Akibatnya orang-orang Melayu terus terkebelakang dari segi material. Mereka mula menjauhkan diri daripada kehidupan yang asing dari tradisinya dengan hidup di pinggir bandar sebagai petani dan nelayan.

## **PERKEMBANGAN SELEPAS KEMERDEKAAN**

Mohd Taib Osman (1989) menjelaskan bahawa perkembangan dan penglibatan orang Melayu selepas kemerdekaan masih lagi tertumpu dalam kegiatan pertanian, namun begitu mereka juga telah mula menunjukkan penguasaan yang ketara dalam bidang pentadbiran terutamanya di sektor awam.

Berbeza pula dengan orang Cina, melalui usaha keras dalam bidang perniagaan mereka telah berjaya mengumpul modal, walaupun pada permulaannya mereka tidak mempunyai apa-apa, tetapi akhirnya mereka dapat memiliki ladang, lombong dan perniagaan sendiri. Manakala orang-orang India pula di samping mendapat faedah daripada peluang-peluang ekonomi yang terbuka luas, mereka juga mula menumpukan kepada bidang-bidang pekerjaan profesional (S. Husin Ali, 1987).

Andaya dan Andaya (1983) menjelaskan bahawa, walaupun terdapat pertumbuhan ekonomi yang mengagumkan serta kestabilan yang dicapai oleh negara Malaysia sehingga tahun 1970, namun masalah pengangguran dan kemiskinan masih berterusan, terutama di kawasan luar bandar yang didiami oleh orang Melayu.

Kenyataan di atas telah disokong oleh Zulkifly Osman (1989), menurut beliau fenomena ketidakseimbangan sosio-ekonomi antara kaum masih berlanjutan walaupun negara ini telah mencapai kemerdekaan. Malahan, ketidakseimbangan sosio-ekonomi antara kaum menjadi semakin ketara. Ini kerana penekanan berlebihan telah diberikan terhadap pertumbuhan ekonomi

tanpa menghiraukan ketidakseimbangan sosio-ekonomi dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Mohamad Idris Saleh *et. al.* (1994) berpendapat bahawa, perkembangan sebegini telah melahirkan rasa tidak puas hati di kalangan orang Melayu kerana mereka merasakan bahawa ekonomi Tanah Melayu telah dikuasai oleh imigran asing manakala mereka jauh ketinggalan di belakang, baik dalam bidang ekonomi maupun dalam proses pembangunan yang berlaku di negara mereka sendiri.

Dalam tahun 1969, orang-orang Melayu hanya memiliki 1.0 peratus daripada saham modal syarikat-syarikat sendirian berhad tempatan di Semenanjung Malaysia. Orang-orang Cina mempunyai 22.8 peratus dan syarikat-syarikat kawalan asing atau cawangan-cawangan syarikat yang telah ditubuhkan di seberang laut mempunyai saham yang besar sekali (Comber, 1985).

H. Osman Rani (1989) telah mengabungkan kenyataan-kenyataan di atas sebagai interaksi antara keghairahan dan provokasi orang Cina dari satu pihak yang dapat menguasai kekuatan ekonomi, manakala di satu pihak lagi iaitu orang Melayu pula merasa cemas dan tercabar apabila mendapati mereka terpinggir di negara sendiri, keadaan ini telah menjadi pencetus kepada peristiwa hitam 13 Mei 1969.

Tragedi hitam ini berkemungkinan tidak berlaku sekiranya pihak kerajaan memberikan perhatian ke atas cadangan yang telah dikemukakan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera 1965. Menurut Tham Seong Chee (1977) dalam persidangan tersebut, beberapa resolusi telah dibentangkan untuk menambahkan penyertaan orang Melayu dalam perniagaan, antaranya melalui penyediaan modal, galakan penglibatan dalam perniagaan dan perdagangan, penyertaan dalam sektor perkhidmatan, latihan keusahawanan, kemudahan pemasaran di luar bandar dan pembangunan tanah bagi mengimbangi penguasaan orang-orang Cina di dalam bidang tersebut.

Disamping itu, menurut Tham Seong Chee (1977), resolusi dalam Kongres Ekonomi Bumiputera Kedua 1968 pula mahukan peranan kerajaan untuk memudahkan perkembangan orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan. Kerajaan kini bukan lagi sekadar menyediakan sumber pinjaman dan kemudahan untuk usahawan Bumiputera sebaliknya menjadi pelanggan utama pada mereka. Kerajaan juga perlu berperanan sebagai pelindung, pembantu, penguatkuasa dan penggalak bagi menarik minat orang Melayu dalam bidang perniagaan.

Rusuhan kaum ini menurut tafsiran Comber (1985), sebagai perasaan yang tidak seimbang antara kaum di mana perasaan persefahaman sebenar

tidak wujud antara orang Melayu dan Cina. Di samping itu, wujud pula perasaan tidak puas hati di kalangan orang Melayu disebabkan oleh keadaan mereka yang serba kekurangan dalam bidang ekonomi, jika dibandingkan dengan orang-orang Cina. Pada pandangan Yushihara Kunio (1995) hanya setelah rusuhan kaum ini barulah pihak kerajaan mula berfikir secara serius tentang usaha-usaha untuk menggalakkan penyertaan orang Melayu dalam sektor ekonomi moden melalui dasar barunya yang dikenali umum sebagai Dasar Ekonomi Baru seperti mana yang telah termaktub dalam Rancangan Malaysia Kedua 1970.

## **SEBELUM DASAR EKONOMI BARU**

Pelbagai pendapat telah dikemukakan untuk mengaitkan isu-isu berkaitan kurangnya penglibatan kaum Melayu dalam kegiatan perniagaan sewaktu tempoh penjajahan Inggeris sehingga kepada peristiwa 13hb. Mei 1969. Pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh para pengkaji perkembangan kaum Melayu dalam kegiatan ekonomi ini kebanyakannya membuat perbandingan di antara di antara penduduk asal iaitu orang-orang Melayu dengan kaum mendatang khususnya orang-orang Cina.

Kemasukan beramai-ramai imigran dari negara China dan India menurut Mahathir Mohamad (1994) sebenarnya telah memberikan ancaman kepada kedudukan orang-orang Melayu. Pada mulanya mereka tersisih dari lapangan perdagangan, kemudian dalam bidang kerja-kerja mahir, dan akhirnya mereka turut tersingkir dari kerja-kerja tidak mahir yang mula dikuasai oleh orang-orang Cina. Akhirnya orang-orang Melayu juga terpaksa meninggalkan bandar-bandar dan beralih ke kawasan luar bandar disebabkan oleh kenaikan harga tanah, kadar sewa, cukai dan sebagainya di bawah sistem pentadbiran British.

Di bawah sistem pentadbiran British menurut Mohd Taib Osman (1989), beberapa perubahan berlaku ke atas sistem politik dan susun lapis masyarakat Melayu. Walaupun di tiap-tiap negeri Melayu, kecuali Pulau Pinang dan Melaka, sultan masih merupakan pemerintah tertinggi dan simbol kesatuan, tetapi kuasa politik dan ekonominya telah banyak dikurangkan. Kuasa untuk mentadbir daerah, memungut cukai dan undang-undang terletak di bawah pegawai British. Ini telah mengakibatkan penglibatan golongan pemerintah dalam kegiatan perdagangan semakin lemah.

Menurut Mohd Taib Osman (1989), pada ketika ini masyarakat Melayu secara umumnya telah mula memberikan nilaiann status yang tinggi kepada mereka yang bekerja atau memegang jawatan-jawatan yang berkaitan dengan

kerajaan atau pentadbiran dan ini ditambah lagi dengan jaminan pencen setelah mereka tamat perkhidmatan.

Pada pandangan Mahathir Mohamad (1994) sepatutnya bekerja dengan kerajaan memberikan peluang mengetahui selok-belok urusan rasmi, dan pengetahuan ini adalah berguna dalam bidang perniagaan. Oleh itu orang Melayu mestilah diberikan kesedaran bahawa bekerja dengan kerajaan adalah semata-mata sebagai batu loncatan kepada kerja-kerja lain yang lebih baik.

Senu Abdul Rahman (1971) pula melihat sifat terlalu bergantung kepada pemerintah dan para pemimpin, sebagai punca kemunduran orang-orang Melayu di luar bandar. Mereka lebih mengharapkan para pemimpin pemerintah dan parti untuk menyelesaikan segala masalah yang dihadapi tanpa penyertaan bersama sedangkan kemampuan pihak pemerintah untuk membantu sebenarnya agak terbatas.

Di samping itu menurut Tham Seong Chee (1977), terdapat perbezaan di antara nilai-nilai tradisional masyarakat Melayu dengan masyarakat Cina terhadap kedudukan seseorang dalam aspek sosio-ekonomi. Dalam masyarakat tradisional Melayu, mereka yang memiliki kebijaksanaan dan pengetahuan dalam bidang keagamaan menjadi simbol status yang tinggi dan diberikan penghormatan. Berbeza dengan kaum Cina di mana pembentukan kumpulan elit mereka adalah berasaskan kepada pengumpulan kuasa ekonomi khususnya dalam bidang perniagaan di kawasan bandar.

Bagaimanapun menurut Talib Samat (1992), wujudnya salah faham di kalangan orang-orang Melayu di dalam memahami, menilai dan menafsir ajaran Islam telah menjadi punca kurangnya penyertaan mereka dalam kegiatan ekonomi. Ini kerana ada yang beranggapan bahawa dunia yang terbentang luas ini kononnya untuk orang kafir sedangkan tempat kehidupan umat Islam yang beriman adalah di akhirat.

Sedangkan menurut Hilmy Bakar Almascaty (1994), apabila seseorang itu berpegang teguh kepada ajaran agama Islam bermakna mereka perlu memahami kandungan al-Quran dan as-Sunnah sebagai mana yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya, bukan hanya sekadar dipelajari, diteliti, diperdebatkan sahaja namun ianya harus dilaksanakan dalam kehidupan yang nyata, sebagaimana Rasulullah s.a.w. dan para sahabat terdahulu menerapkannya sebagai panduan dalam kehidupan mereka.

Bagaimanapun menurut Mahathir Mohamad (1994), sikap orang Melayu adalah berbeza-beza apabila melihat kejayaan orang-orang Cina menguasai bidang perniagaan dan memperolehi peningkatan di dalam status kehidupan. Dalam keadaan ini ada di kalangan orang-orang Melayu yang mengambil sikap tidak apa. Di samping itu ada yang merasa iri hati dan

membantah terhadap penguasaan bidang ekonomi oleh orang Cina. Pada umumnya orang-orang Melayu menerima sahaja hakikat bahawa mereka telah tersisih di bidang perusahaan dan perdagangan.

Sebagai tambahan Tham Seong Chee (1977) telah mencadangkan agar sokongan dari segi sentimen keagamaan perlu digunakan untuk menyedarkan kepentingan bidang perniagaan di dalam kehidupan orang-orang Melayu. Ini boleh dilakukan dengan merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w sendiri yang merupakan seorang peniaga dan ini menunjukkan tanda bahawa Islam sebenarnya turut menggalakkan usaha untuk mendapat keuntungan dan kekayaan.

Secara keseluruhannya masih ada ruang dan peluang untuk orang-orang Melayu memperbaiki kedudukan mereka dalam bidang ekonomi sekiranya mereka diberikan peluang untuk membuktikannya dan ini telah dihujahkan oleh Mahathir Mohamad (1994) yang berpendapat bahawa sebenarnya orang-orang Melayu mempunyai kemampuan untuk berubah dan keadaan ini pernah ditunjukkan sewaktu rancangan pihak British untuk mewujudkan Malayan Union, oleh yang demikian mengapa ianya tidak boleh berlaku dalam bidang-bidang lain.

## **PERLAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU**

Dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru menurut Gullick dan Gale (1986), pihak kerajaan telah berhadapan pula dengan masalah ketidakjujuran di kalangan orang-orang Melayu. Setelah mereka memperolehi lesen perniagaan, perniagaan tersebut diserahkan kepada orang lain. Ini dikenali sebagai perniagaan secara '*ali baba*', di mana perniagaan tersebut ditubuhkan atas nama orang Melayu tetapi sebenarnya dimiliki dan diuruskan oleh orang Cina, dan sebagai ganjarannya satu kadar bayaran tetap pada setiap bulan.

Murugesu Pathmanathan (1986) menegaskan bahawa amalan menyerahkan lesen atau menggunakan nama sekadar untuk memenuhi polisi kerajaan kepada orang lain bagi mendapatkan ganjaran tertentu sebenarnya telah menyekat beberapa golongan di kalangan kaum bumiputera untuk mengambil bahagian dan bergiat dengan cergas dalam kegiatan-kegiatan yang memerlukan penggunaan lesen-lesen tersebut.

Mahathir Mohamad (1999), menjelaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru dibentuk pada asasnya bukanlah semata-mata bertujuan untuk memberi bumiputera peluang perniagaan melalui kontrak dan lesen eksklusif, supaya mereka cepat menjadi kaya. Sebaliknya fungsi utama Dasar Ekonomi Baru ialah menyediakan satu asas yang kukuh kepada Bumiputera, melalui

pendidikan dan latihan, untuk menyertai kegiatan ekonomi dan pekerjaan yang membawa keuntungan secara kekal dan berjaya.

Bagi Amir H. Baharuddin (1983) kelangsungan penyertaan orang-orang Melayu dalam segala bidang turut bergantung ke atas kebolehan Melayu menghadapi dan bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Ini juga melibatkan kematangan dan ketahanan orang-orang Melayu dalam pelbagai bidang yang diceburinya.

Di samping itu, masalah juga timbul menurut Talib Samat (1992) apabila kebanyakan orang Melayu yang menyertai bidang perniagaan ini tidak melengkapkan diri secukupnya dengan segala kemahiran yang diperlukan, pengetahuan untuk perluasan perniagaan dan tidak begitu mengikuti perkembangan semasa yang membolehkan mereka untuk menyesuaikan keadaan semasa dengan kemampuan yang mereka miliki.

Sikap terlalu bergantung kepada kerajaan atas nama Dasar Ekonomi Baru telah menyebabkan orang Melayu dilabelkan sebagai '*masyarakat subsidi*'. Keadaan ini seterusnya menimbulkan sikap prejedis di kalangan kaum lain terhadap orang Melayu (Shahidan Kassim, 1992).

Punca peniaga Melayu tidak dapat berkembang luas menurut pandangan Amir H. Baharuddin (1983) sebenarnya, turut dipengaruhi oleh faktor muafakat atau kerjasama di antara orang Melayu dengan para peniaga Melayu dari segi tolong-menolong dalam hal ehwal pinjaman, memberikan nasihat bimbingan, menambah naungan ataupun semangat untuk membeli barang-barang dari kedai-kedai milik orang Melayu. Justeru itu, H. Osman Rani (1989) cuba menekankan kepentingan untuk mewujudkan budaya kerjasama di kalangan orang-orang Melayu. Kerana segala usaha yang dilakukan melalui tindakan secara bekerjasama maka akan melibatkan aspek bertolak-ansur iaitu kedua-dua belah pihak akan berpuas hati dengan keputusan yang diambil, sedangkan dalam persaingan perlu ada kemenangan dan kejayaan hanya dicapai apabila di satu pihak lagi telah kalah.

Walaupun pelbagai rintangan dan masalah telah timbul namun Mahathir Mohamad (1999) telah merumuskan bahawa perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru sebenarnya telah menimbulkan kesan dan memberikan perubahan di dalam budaya kehidupan orang Melayu dan Bumiputera lain. Mereka telah diserapkan dengan budaya masyarakat perdagangan dan perindustrian moden. Memanglah mereka tetap Bumiputera, tetapi mereka berjiwa baru. Sebagai hasil perubahan ini, mereka telah mencapai kejayaan ekonomi dalam perdagangan dan perindustrian, serta telah menyertai arus utama kehidupan masyarakat di Malaysia.

## RUMUSAN

Secara ringkasnya dapatlah dirumuskan bahawa penyertaan orang Melayu dalam perniagaan ini mula terbatas apabila pihak penjajah menguasai Tanah Melayu. Kehadiran penjajah ini secara perlahan-lahan telah menindas, menyisih dan menghapuskan kemampuan dan kebolehan orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan. Akibat daripada diskriminasi bertahun-tahun ini, orang Melayu mula patah semangat dan hilang keyakinan diri. Mereka mengalami rasa rendah diri, dan dalam jiwa mereka terselit rasa bahawa mereka memang tidak mampu untuk melakukan apa yang orang lain boleh lakukan. Boleh dikatakan bahawa perubahan pandangan dan kesedaran di kalangan orang-orang Melayu mengenai kepentingan sektor ekonomi khususnya dalam bidang perniagaan dan perdagangan mula timbul setelah berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam bidang perniagaan, pelbagai kemudahan dan polisi tertentu telah dibentuk di bawah Dasar Ekonomi Baru. Bantuan dari pihak kerajaan ini sebenarnya bukan untuk menghasilkan masyarakat Melayu yang terlalu bergantung dan sentiasa mengharapkan bantuan yang berterusan daripada kerajaan. Dasar dan polisi yang telah dibentuk ini bertujuan untuk menggalakan penyertaan Bumiputera secara cergas dan bererti dalam perniagaan agar mereka dapat mencapai kejayaan yang berterusan. Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini sedikit sebanyak telah mengubah budaya kehidupan orang Melayu dan Bumiputera lain untuk menerima budaya masyarakat perdagangan dan perindustrian moden. Secara keseluruhannya masih ada ruang dan peluang untuk orang-orang Melayu memperbaiki kedudukan mereka dalam bidang ekonomi sekiranya mereka diberikan kepercayaan untuk membuktikannya. Untuk itu, galakan dan sokongan yang sepenuhnya perlu diberikan kepada orang-orang Melayu yang ingin menceburi bidang perniagaan.

## RUJUKAN

- Abdullah Jusuh (1990). *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amarjit Kaur (1991). ‘Semenanjung Tanah Melayu Pada Abad Ke-19 : Satu Tinjauan Ekonomi’, dalam Jawatankuasa Kolokium, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Amir H. Baharuddin (1983). *Menjelang 1990 : Agenda Belum Selesai*, Kuala Lumpur : Hafar Enterprise.
- Andaya, B. W. dan Andaya, L. Y. (1983). *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya : MacMillan Publishers (M) Sdn. Bhd.
- Braudel, F. (1982). ‘Civilization and Capitalism, 15th-18th Century’ in *The Wheel Of Commerce*, New York : Harper & Row, Volume 2 : 114-134.
- Comber, L. (1985). *Peristiwa 13 Mei : Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*, diterjemah oleh Omardin Haji Ashaari, Petaling Jaya : International Book Service.
- Gullick, J. and Gale, B. (1986). *Malaysia : Its Political And Economic Development*, Petaling Jaya : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- H. Osman Rani (1989). ‘Budaya Persaingan, Ekonomi dan Polarisasi Kaum di Malaysia’ dalam Nik Hashim Mustapha dan Zulkifly Osman (ed), *Dasar Ekonomi Malaysia*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hilmy Bakar Almascatay (1994). *Ummah Melayu : Kuasa Baru Dunia Abad Ke-21*, Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Mahathir Mohamad (1994). *Dilema Melayu*, diterjemah oleh Ibrahim Saad, Kuala Lumpur : Times Books International.
- Mahathir Mohamad (1999). *Jalan Ke Puncak*, Subang Jaya : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustaffa dan Fauziah Shaffie (1994). *Sejarah Pembangunan Bangsa Dan Negara*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Taib Osman (1989). *Masyarakat Melayu : Struktur, Organisasi Dan Manifestasi*, Kuala Lumpur : Dewang Bahasa dan Pustaka.
- Murugesu Pathmanathan (1986). *Bacaan Ekonomi Malaysia*, Kuala Lumpur : Anthonian Publishing Sdn. Bhd.
- Nordin Selat (1978). *Renungan*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Parkinson, C. N. (1960) *British Intervention In Malaya 1867-1877*, Singapura : University of Malaya Press.
- S. Husin Ali (1979). *Orang Melayu : Masalah Dan Masa Depannya*, Kuala Lumpur : Penerbitan Abadi Sdn. Bhd.
- S. Husin Ali (1987). ‘Ke Arah Baru Pembangunan Malaysia’, dalam Halimahtun Mohd. Khalid, S. Husin Ali, Jomo, K. S. dan Sanusi Osman (ed), *Pembangunan Di Malaysia : Perencanaan, Perlaksanaan Dan Prestasi*, Kuala Lumpur : Persatuan Sains Sosial Malaysia, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

- Senu Abdul Rahman (1971). *Revolusi Mental*, Kuala Lumpur : Penerbitan Utusan Melayu.
- Shahidan Kassim (1992). ‘Pembangunan Usahawan Bumiputera : Prestasi kini, Prospek dan Cabaran Selepas 1990’, dalam Chamhuri Siwar, Mohd Yusof Kasim dan Abdul Malik Ismail (ed.), *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Hussein Alatas (1991). *Mitos Peribumi Malas : Imej Orang Jawa, Melayu Dan Filipina Dalam Kapitalisma Penjajah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat (1992). *Langit Tinggi Dijunjung : Di Sekitar Permasalahan Orang Melayu Dan Remaja Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tham Seong Chee (1977). *Malays and Modernization : A Sociological Interpretation*, Singapore : Singapore University Press.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof (1989). ‘Sistem Ekonomi Orang Melayu’, dalam Mohd Taib Osman (ed), *Masyarakat Melayu : Struktur, Organisasi Dan Manifestasi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yoshihara Kunio (1995). *Kemunculan Kapitalisme Tiruan Di Asia Tenggara*, diterjemah oleh Ishak Shari, Kuala Lumpur : S. Abdul Majeed and Co.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (1997). *Keusahawanan Dan Motivasi Diri*, Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifly Osman (1989). ‘Masalah Semasa Dasar Ekonomi Baru’ dalam Nik Hashim Mustapha dan Zulkifly Osman (ed), *Dasar Ekonomi Malaysia*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.